



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
Bil. 5

26hb Februari 2004

TAMBAHAN
No. 3

No. 164.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

FATWA MENGENAI STATUS TANAH PEMBERIAN KERAJAAN KEPADA
MAJLIS AGAMA ISLAM PERAK DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, menurut Subseksyen 34(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 [*En. Bil. 2 Tahun 1992*], selepas dibincangkan dengan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan pada 3 Zulkaedah 1422 bersamaan dengan 17 Januari 2002, dan adalah disiarkan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menurut Subseksyen 34(2).

JADUAL

Bahawa tanah-tanah pemberian Kerajaan kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak untuk tujuan rumah ibadat orang Islam, masjid, surau dan tanah perkuburan adalah dikira wakaf manakala tanah-tanah pemberian Kerajaan untuk tujuan pembangunan adalah dikira harta Baitulmal.

Bertarikh 16 Februari 2004.

[MNPK.A. 351/14/5(44); PU. PK. 07/2001.]

Dengan Titah Perintah
Duli Yang Maha Mulia Sultan,

DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti
Negeri Perak Darul Ridzuan

No. 165.

FATWA MENGENAI ZAKAT ATAS PENDAPATAN (GAJI)

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, menurut Subseksyen 34(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 [*En. Bil. 2 Tahun 1992*], selepas dibincangkan dengan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan pada 25 Syaaban 1410 bersamaan dengan 22 Mac 1990, dan adalah disiarkan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menurut Subseksyen 34(2).

JADUAL

Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul kerana haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumhurul Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.

Bertarikh 16 Februari 2004.

[MNP.K.A. 351/14/5(44); PU. PK. 07/2001.]

Dengan Titah Perintah
Duli Yang Maha Mulia Sultan,

DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti
Negeri Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA